



PEMBUBARAN PERKAHWINAN MENGIKUT AKTA UNDANG-UNDANG
KELUARGA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN 1984
SEJAUHMANAKAH BERTEPATAN
DENGAN SYARAK

ARIPIN BIN ABDULLAH

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN KEPADA KULIYYAH
UNDANG-UNDANG, UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA,
SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN DARIPADA
SYARAT-SYARAT MEMPEROLEHI DIPLOMA
UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN
KEHAKIMAN ISLAM


KULIYYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA,
PETALING JAYA SELANGOR

1992

PENGAKUAN

"Saya mengaku karya ini adalah hasil nukilan saya sendiri, kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya".

18 Z'Kaedah 1412
22 Mei 1992


.....
ARIPIN ABDULLAH
G 901374

PENGHARGAAN

Al-Hamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah yang telah menganugerahkan segala keupayaan dan kekuatan kepada penulis untuk menyiapkan kertas projek ini. Apa yang diharapkan semoga usaha ini diberkati Allah s.w.t. serta mendapat keredhaanNya.

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Mulia Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim selaku penyelia kepada latihan ini. Ucapan yang sama juga penulis rakamkan kepada para pensyarah Kuliyyah Undang-undang khususnya pensyarah bagi kursus Diploma ini. Insya Allah bimbingan dan tunjuk ajar yang baik dan berguna itu dapat dimanfaatkan di dalam kehidupan ini.

Buat kedua ibubapa tercinta, pengorbanan kalian tetap segar dalam ingatan. Buat sebuah keluarga yang baru terbina, semoga lanya diberkati dan dirahmati Allah selalu. Buat adik-adik semoga teladan baik diperolehi daripada abangmu. Seterusnya kepada semua pihak yang terlibat dalam menyempurnakan kajian ini, penulis rakamkan ucapan jutaan terima kasih.

Akhirnya, semoga jasa baik yang tuan-tuan curahkan itu, mendapat balasan yang setimpal daripada Allah s.w.t. Wa Allahu a'alam.

ARIPIN ABDULLAH
KULIYYAH UNDANG-UNDANG
U.I.A. P. JAYA

D/A ABDULLAH HJ. TAIB
LOT. NO. 1284 KG. SUNGAI
16300 BACHOK
KELANTAN DARUL NAIM
09-939258

SINOPSIS

Penulisan yang bertajuk, "Pembubaran Perkahwinan Mengikut Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Sejauhmanakah Bertepatan Dengan Syarak" adalah untuk melihat beberapa peruntukan pembubaran perkahwinan yang diperuntukan oleh akta dari pandangan syarak. Oleh yang demikian, dalam menilai perkara ini, tidak terlepas dari disebut perbincangan fugaha dan pendapat mereka mengenainya.

Bab pertama kajian ini menyentuh beberapa perkara umum berkaitan dengan pembubaran perkahwinan seperti sejarah ringkas Undang-undang Keluarga Islam itu sendiri, pembubaran perkahwinan di dalam Islam, Hikmat diharuskan perceraian dan perkara yang berkaitan dengannya.

Pesoalan mengenai talaq secara terperinci juga dibincangkan di dalam bab ini dengan meneliti beberapa aspek seperti definisi talaq itu sendiri, hukumnya, je is-jenis talaq, peruntukan akta mengenai talaq, kes-kes talaq dan soal-soal yang berkaitan. Selepas itu, dijelaskan pula soal-soal yang berkaitan dengan ta'aliq talaq dari segenap aspek.

Bab kedua pula menyentuh mengenai khul', fasakh dan hakam. Khul' dilihat dari segi definisi, peruntukan akta, hak isteri menuntut khul', peranan Qadhi dan kes yang berkaitan. Begitu juga dengan soal-soal yang berkaitan dengan fasakh dan hakam juga dilihat dari sudut yang sama.

Kajian ini ditamatkan dengan perbincangan mengenai anggapan mati, pertukaran agama dan harta sepencarian. Perkara-perkara ini dilihat dari beberapa sudut yang kesemuanya boleh dilihat dalam kajian ini.

KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS	iv

BAB PERTAMA

Fasa Pertama (Pembubaran Perkahwinan)

1.1.1 Sejarah Ringkas Undang-undang Keluarga Islam	1
1.1.2 Pembubaran Perkahwinan Di dalam Islam...	3
1.1.3 Hikmat Diharuskan Perceraian Di dalam Islam	7
1.1.4 Peruntukan Pembubaran Perkahwinan Di dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan	10

Fasa Kedua (Talaq)

1.2.1 Definisi Talaq	13
1.2.2 Hukum Talaq	14
1.2.3 Jenis-jenis Talaq	16
1.2.4 Peruntukan Talaq Di dalam Akta	19
1.2.5 Sejauhmanakah Peruntukan Talaq Itu Bertepatan dengan Syarak	21
1.2.6 Kes-kes Talaq	23

Halaman

Fasa Ketiga (Ta'aliq Talaq)

1.3.1	Ta'aliq Talaq Dan Pengertiannya	25
1.3.2	Pandangan Ulama Terhadap Hukum Ta'aliq..	26
1.3.3	Peruntukan Ta'aliq Di dalam Akta	30
1.3.4	Sejauhmanakah Peruntukan Itu Bertepatan Dengan Syarak	31
1.3.5	Kes-kes Cerai Ta'aliq	36

BAB KEDUA**Fasa Pertama (Khul')**

2.1.1	Pendahuluan	38
2.1.2	Takrif Khul'	39
2.1.3	Peruntukan Khul' Di dalam Akta Dan Penilaian	43
2.1.4	Hak Isteri Dalam Menuntut Tebus Talaq...	55
2.1.5	Adakah Tebus Talaq Mesti Di hadapan Qadhi	65
2.1.6	Kes-kes Tebus Talaq	68

Fasa Kedua (Fasakh)

2.2.1	Pendahuluan	70
2.2.2	Jenis-jenis Fasakh Dan Sebab-sebab Yang Membolehkannya	70
2.2.3	Peruntukan Fasakh Di dalam Akta.....	73
2.2.4	Kes-kes Fasakh	75

Fasa Ketiga (Hakam)

2.3.1	Pendahuluan	77
2.3.2	Peruntukan Akta Mengenai Hakam	78
2.3.3	Sejauhmanakah Peruntukan Akta Ini Menepati Kehendak Syarak	80
2.3.4	Perkara-perkara Yang Boleh Diputuskan Oleh Hakam	85

BAB KETIGA**Fasa Pertama (Anggapan Mati)**

3.1.1	Pendahuluan	92
3.1.2	Peruntukan Akta Mengenai Anggapan Mati..	92
3.1.3	Pandangan Fuqaha Mengenai Anggapan Mati	93

Fasa Kedua (Pertukaran Agama)

3.2.1	Pendahuluan	96
3.2.2	Jenis Talag Akibat Murtađ	98
3.2.3	Apakah Perceraian Dengan Sebab Murtađ Memerlukan Kepada Keputusan Qadhi	99
3.2.4	Peruntukan Akta Mengenai Pertukaran Agama	100

Fasa Ketiga (Harta Sepencarian)

3.3.1	Pengertian Harta Sepencarian	103
3.3.2	Amalan Harta Sepencarian	104

	Halaman
3.3.3 Kedudukan Harta Sepencarian Menurut Islam	106
3.3.4 Peruntukan Akta Mengenai Soal Harta Sepencarian	111
BIBLIOGRAFI	115

BAB PERTAMA

FASA PERTAMA

1.1.1 Sejarah Ringkas Undang-undang Keluarga Islam

Undang-undang Keluarga Islam (Enactment) adalah hasil daripada satu draf yang dipengerusikan oleh Tengku Zaid, Pegawai Jabatan Peguan Negara di mana akhirnya mereka dapat menggubal Undang-undang Keluarga Islam. Draft itu dikemukakan kepada Majlis Raja-raja untuk dibincang dan dipersetujui. Draft itu dirujuk kepada tiap-tiap negeri di mana tiap-tiap negeri membuat undang-undang seperti yang ada sekarang ini cuma Sabah dan Perlis masih dalam bentuk draf, namun di Perlis telahpun dipersetujui tetapi belum digazetkan lagi.¹

Pada mulanya, harapan supaya semua negeri-negeri di Malaysia mengikut draf undang-undang yang sama namun tidak tercapai. Ada negeri-negeri yang membuat pindaan terhadap draf asal. Di Malaysia bolehlah dikatakan terdapat dua draf undang-undang yang besar. Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan adalah mengikut draf asal tanpa ada pindaan; ianya diikuti oleh Negeri

¹Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim, nota kuliah Diploma Undang-undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam, UIA pada 23 Disember 1991.

Sembilan, Pulau Pinang, Terengganu dan Pahang. Manakala Undang-undang (Enactment) Keluarga Islam Kelantan 1983 telah diikuti di Kedah dan Melaka.¹

Draf asal di mana Jabatan Peguam Negara telah mengambil contoh Undang-undang India dan Pakistan yang bermazhab Hanafi. Oleh kerana di Kelantan, kalangan ulama' mereka lebih berminat untuk mengikut Mazhab Syafi'i.

Cadangan untuk menyelaraskan Undang-undang Keluarga Islam telah timbul maka telah dilantik Penyelaras Undang-undang Keluarga Islam, di Jabatan Perdana Menteri bagi menyelaraskan seberapa mungkin undang-undang yang ada. Ada negeri yang telah menerima pindaan seperti Selangor yang asalnya mengikut draf Wilayah Persekutuan (pindaan 1988).

Selepas 1988, ada beberapa negeri ikut draf baru yang cuba mencantum dua draf asal (Wilayah Persekutuan dan Kelantan), contohnya Negeri Johor (Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor 1990, dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Sarawak 1991, begitu juga dengan undang-undang yang akan dibuat di Perlis dan Sabah.

¹Op.cit.

Sebenarnya penggunaan Undang-undang Keluarga Islam adalah tidak tepat kerana Undang-undang Keluarga Islam adalah daripada al-Qur'an dan al-Sunnah dan bukannya dari Enakmen. Sebaliknya di Terengganu, digunakan nama Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam yang namanya berbeza dengan negeri-negeri lain.¹

1.1.2 Pembubaran Perkahwinan Dalam Islam

Islam menghendaki supaya kedua-dua suami isteri berhubung dengan baik dalam perkahwinan mereka. Al-Quran menunjukkan cara-cara berhubung dengan baik walaupun dalam keadaan yang tegang, untuk mengelakkan dari berlakunya perceraian. Perceraian dalam ertikata lain merupakan satu pemisahan antara suami isteri yang meruntuhkan dan memutuskan perhubungan, perkongsian dan kewajipan antara suami dan isteri. Perceraian juga adalah suatu yang membatalkan segala apa jua ikatan dan perjanjian yang dimeterikan dalam undang-undang perkahwinan yang telah dikanunkan oleh syarak.

Soal perceraian di antara suami isteri sering diperkatakan sekarang ini. Ianya bukan lagi merupakan masalah individu, malah merupakan masalah masyarakat dan negara yang semakin serius, memerlukan perhatian wajar dari segenap lapisan masyarakat. Demi menyedari

¹Tan Sri Prof. Ahmad b. Mohamed Ibrahim, Kuliah Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, UIA, 23 Disember 1991.

hakikat ini, kita dapat banyak seminar-seminar dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu dan media massa membicarakan masalah ini sebagai satu isu yang penting.

Sebenarnya perceraian bukanlah satu perkara baru menonjol atau ditonjolkan, malah ianya merupakan suatu kebiasaan dalam mana-mana masyarakat di dunia ini apabila perdamaian tidak dapat dicari lagi. Islam sebagai agama fitrah, dan fitrah membuktikan setiap perkongsian kadangkala mengalami kegagalan. Kasih sayang boleh diikuti dengan kebencian, kerana itu Islam telah mengakui kenyataan dengan menghalalkan perceraian sebagai langkah terakhir mengatasi masalah. Islam tidak memaksa kedua-dua suami isteri untuk terus hidup dalam keadaan yang sengsara kerana tidak menyukai antara satu sama lain.

Sebenarnya dalam mengatur langkah menyelesaikan masalah rumahtangga, bukanlah secara terus kepada perceraian. Islam telah lmeletak kepada penyelesaian itu dengan cara yang paling teratur dan lengkap. Ini menunjukkan bahawa Islam tidak membuka jalan yang seluas-luasnya kepada perceraian. Islam dalam mengatur cara perceraian telah menganjurkan beberapa langkah untuk mengelakkan ia dari berlaku. Peringkat-peringkat ini sebagaimana Firman Allah yang berbunyi:

فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُنَّ شَيْئًا
وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا (١)

¹al-Quran, Surah al-Nisa', 4: 19.

Yang bermaksud:

"Dan bila kamu tidak menyukai mereka (maka bersabarlah) kerana mungkin kamu tidak menyukai sesuatu, padahal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak".

Manakala dalam keadaan isteri nusyuz pula, Allah berfirman:

وَالَّذِي تَخَافُونِ نَشُوزَهُنَّ فَعَظُمْنَ فَأَظْمَنَكُمْ
فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ كَبِيرٌ (١)

Yang bermaksud:

"Wanita-wanita yang kamu kkuatiri nusyuz maka nasihatlah mereka dan pisahkan diri dari tempat tidur mereka, dan pukullah mereka, kemudian jika mereka mentaatimu maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya".

Berdasarkan ayat di atas, dapatlah kita simpulkan bahawa untuk sampai kepada tahap seseorang itu boleh menceraikan isterinya, dia mestilah melalui beberapa peringkat tindakan. Pertamanya memberikan nasihat kepada si isteri. Kedua berpisah tempat tidur. Ketiga memukul dengan tujuan untuk memperingatinya atau membetulkannya, bukan untuk menyakitinya. Keempat melantik hakim. Seterusnya barulah perceraian itu dibolehkan sekiranya jalan-jalan ke arah perdamaian tidak dapat dicapai lagi.

¹al-Qur'an, Surah al-Nisa', 4: 34.

Di antara dalil-dalil lain yang mengharuskan perceraian banyak kita dapati sama ada daripada al-Quran maupun al-Hadith Rasulullah s.a.w. Firman Allah:

الطَّلَاقُ مَرَّتَانِ فَأَمَّا كَ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٍ بِأِحْسَانٍ (1)

Yang bermaksud:

"Talaq itu dua kali, setelah itu boleh dirujuk kembali dengan cara yang ma'ruf atau menceraikannya dengan cara yang baik".

Firman Allah lagi:

وَلَا تَمْسُكُوهُنَّ مِنْ ضَرَارٍ تَعْتَدُوا وَمَنْ يَفْعَلْ
ذَلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ (2)

Yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu tahan mereka (isteri) secara menyakitkan kerana hendak mencelanya dan sesiapa berbuat demikian maka dia menzalimi dirinya".

Memandangkan kepada keadaan ini maka Islam telah mengemukakan satu jalan keluar melalui talaq yang merupakan perkara halal yang dibenci oleh Allah. Rasulullah s.a.w. bersabda:

ابغض الحلال إلى الله الطلاق

Yang bermaksud:

"Perkara yang halal yang sangat dibenci Allah ialah Talaq".

¹al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2: 229.

²al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2: 231.

Demikianlah sikap Islam terhadap perceraian. Ia tidak mengharuskannya kecuali sesudah beberapa percubaan secara meluas untuk menyelesaikan kebuntuan, maka dalam keadaan ini barulah Islam mengharuskan perceraian.

1.1.3 Hikmat Diharuskan Perceraian Dalam Islam

Setelah ijab gabul dijalankan maka sudah tentu tidak sunyi daripada menghapi dugaan dan cubaan yang dihadapi oleh pasangan yang menjadi penghuni di muka bumi dan setiap sesuatu yang dijadikan oleh Allah s.w.t. mengandungi hikmat yang tidak dapat diketahui oleh manusia. Bertolak daripada perbincangan tentang persoalan perhubungan suami isteri dalam mengendalikan bahtera rumahtangga adakalanya hidup keluarga itu, berada dalam keadaan bahagia tetapi adakalanya dalam menghadapi kerumitan, kerungsingan dan keruntuhan.¹

Apabila berlaku gejala seumpama ini, maka Islam telah meletakkan satu sistem untuk menyelesaikan perceraian atau pembubaran perkahwinan. Bila berlaku ketidakharmonian ini bererti bahawa telah hilang satu ciri perkahwinan yang bertujuan atau merupakan satu ikatan yang paling harmoni untuk melahirkan zuriat yang suci, yang nanti akan mewujudkan masyarakat yang tersusun

¹Ustaz Mashadi bin Salamon, Cerai dan Rujuk Dalam Islam (Kuala Lumpur: Terbitan Yadim, Julai 1986), hlm. 26.

dan sejahtera. Sebagaimana yang telah difirmankan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Qur'an yang berbunyi:

ومن آيته ان خلقكم من انفسكم ازواجاً
لتسكنوا اليها وجعل بينكم مودة ورحمة، ان
في ذلك لايت لقوم يتفكرون (۱)

Yang bermaksud:

"Dan di antara tanda-tanda kekuasaan Allah ialah Dia menciptakan untukmu dari jenismu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya dan dijadikan kasih sayang di antara kamu".

Rumahtangga yang terbina tanpa ada keserasian dan kasih sayang akan memberi kesan yang buruk kepada suami isteri tersebut, kepada anak-anak dan juga masyarakat sekeliling. Kanak-kanak yang dibesarkan dan terdidik di bawah naungan ibubapa yang sentiasa bergaduh kerana konflik rumahtangga sering mengalami tekanan jiwa.

Perceraian diberi peluang sebanyak tiga kali sama ada sekaligus atau berasingan. Ini memberi peluang kepada suami isteri untuk memikirkan nasib mereka dan keluarga. Walaupun perceraian dibenarkan di dalam Islam tetapi ia adalah satu amalan yang amat dibenci oleh Allah.

¹ al-Qur'an, Surah al-Rum, 30: 21.

Antara hikmatnya juga ialah untuk menjaga dua insan yang tidak sejiwa lagi itu. Kalau Islam tidak membenarkan berlakunya perceraian, mungkin mereka tadi akan keluar untuk memuaskan nafsu seks mereka. Ini akan mengeruhkan lagi suasana masyarakat, negara dan agama kerana akan lahirlah anak-anak luar nikah, pengguguran dan berbagai-bagai maksiat lain. Abdul Rahman al-Jaziri mengatakan:

"Syarak mengadakan talaq sebagai sebab yang sah bagi mengasingkan kedua-dua suami isteri tapi ia dilarang dan tidak diredhai menggunakannya tanpa sebab".¹

Ia merupakan jalan yang terakhir dalam perpecahan rumahtangga. Ia dibenarkan kerana memandangkan nasib anak-anak yang akan mewarisi generasi kemudian kerana jiwa mereka akan musnah sekiranya berada di dalam rumahtangga yang tidak tenteram seperti kata Mohd. Qutb:

"Ilmu jiwa mengatakan seorang kanak-kanak yang terdidik di bawah naungan ibubapa yang sering bergaduh kerana krisis rumahtangga sering menjadi korban kekacauan perasaan dan konflik jiwa".²

Tanpa perceraian, keluarga kedua-dua belah pihak akan bermasam muka apabila melihat anak-anak mereka

¹Abd. al-Rahman al-Jaziri, al-Fiqh ala al-Mazahib al-Arbaah (Mesir: Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra, 1969), hlm. 287.

²Mohd. Qutb, Salah Faham Dalam Islam, terj. Yusuf Zaky Yaakub (Kelantan: Pustaka Dian, 1977), hlm. 162.

berada di dalam keadaan tidak tenteram, selalu menyalah dan menyakiti antara satu sama lain. Oleh itu satu jalan penyelesaian perlu dibuat supaya pergaduhan itu tidak berlarutan. Boleh diibaratkan perceraian dalam Islam sebagai suatu pembedahan yang mesti dilakukan apabila sesuatu penyakit itu tidak akan sembuh.

Talaq dalam Islam merupakan penawar atau perlindungan yang disyaratkan bagi menyelesaikan dan menghilangkan penderitaan suami isteri, apabila mereka ditimpa sesuatu permasalahan dan kesulitan hidup antara mereka. Firman Allah s.w.t.:

وان يتفرقا يرضى الله كلا من سعته وكان
الله واسعا حكما (1)

Yang bermaksud:

"Dan jika kamu (suami-isteri) bercerai, Allah akan melapangkan hidup masing-masing dan adalah Allah maha luas pengurniaannya dan maha bijaksana".

1.1.4 Peruntukan Pembubaran Perkahwinan Di dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan

Peruntukan mengenai pembubaran perkahwinan ini dengan jelas disebut di dalam Bahagian V Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984. Peruntukan itu mengenai:

¹ al-Qur'an, Surah al-Nisa, 4: 130.

- (a) Tahap kuasa untuk membuat sesuatu perintah perceraian
- (b) Pertukaran Agama
- (c) Perceraian dengan Talag atau dengan perintah
- (d) Timbangtara oleh Hakim
- (e) Perceraian khulu' atau cerai tebus talag
- (f) Perceraian di bawah ta'aliq atau janji
- (g) Hidup semula sebagai suami isteri atau ruju'
- (h) Perintah untuk pembubaran perkahwinan atau untuk fasakh
- (i) Anggapan mati
- (j) Penyenggaraan daftar perceraian dan pembatalan
- (k) Perintah perceraian tidak boleh didaftarkan melainkan perintah mengenai nafkah, penjagaan dan sebagainya telah dibuat
- (l) Mut'ah atau pemberian saguhati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut
- (m) Hak terhadap maskahwin dan sebagainya tidak akan tersentuh
- (n) Kuasa Mahkamah memerintah pembahagian harta sepencarian¹

¹Lihat Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Bahagian V.

Perkara-perkara inilah yang akan dibincangkan oleh penulis di dalam kajian ini, dengan menumpukan perbincangan mengenai talaq,¹ ta'aliq talaq,² khul,³ fasakh,⁴ hakam,⁵ anggapan mati, pertukaran agama dan harta sepencarian.

¹Lihat perbincangan ditil di dalam Fasa Kedua, Bab Pertama kajian ini.

²Lihat perbincangan mengenai ta'aliq talaq di dalam Fasa Ketiga, Bab Pertama kajian ini.

³Lihat penjelasan di Bab Kedua, Fasa Pertama kajian.

⁴Lihat Fasa Kedua, Bab Kedua kajian.

⁵Lihat Fasa Ketiga, Bab Kedua kajian.

FASA KEDUA

1.2.1 Definisi Talag

Talag pada bahasa ialah "melepaskan tali". Dalam istilah syariat Islam, ia bererti merombak ikatan pernikahan dengan lafaz (kata-kata) talag atau seumpamanya.¹ Lafaz talag itu boleh terjadi sama ada dalam bentuknya yang jelas (sarih)² seperti " طَلَّقَتْ " (saya talag engkau), " أَنْتَ طَالِقٌ " (engkau tertalag) atau " مَطْلُوقَةٌ " (ditalag).

Atau dalam bentuk kinayah³ berserta dengan niat mentalag pada permulaan kalimahnyanya maka jatuhlah talag, seperti " أَنْتَ عَلَى حَرَامٍ " (engkau haram bagiku), " حَرَمْتُكَ " (Saya haramkan dirimu).

Terjemahan lafaz talag, ke dalam bahasa asing merupakan lafaz talag yang jelas mengikut mazhab kerana kemasyhuran penggunaannya.

¹Muhammad al-Khatib al-Syarbini, Mughni al-Muhtaj, juz. 3 (Dar al-Fikr, t.t.), hlm. 279.

²Talag, Firaq dan Sarah merupakan lafaz talag yang jelas. Kata-kata itu berulang kali tersebut di dalam al-Qur'an.

³Lafaz kinayah ialah lafaz yang mungkin membawa maksud talag atau tidak bermaksud talag.

1.2.2 Hukum Talag

Hukum talaq adakalanya wajib, sunat, haram dan makruh.¹

(a) Wajib: seperti apabila terjadi perselisihan di antara suami isteri sedangkan dua orang hakam yang dilantik untuk mengurus perkara itu sepakat serta memandang perlu supaya mereka itu bercerai.

(b) Sunat: seperti apabila suami tidak kuasa lagi memberi nafkah dengan secukup kepada isterinya atau isterinya tidak menjaga kehormatan dirinya seperti dijelaskan oleh Hadith:

روى أن رجلاً أتى النبي صلى الله عليه وسلم
فقال إن امرأتى لا ترد يد لامس، فقال النبي
صلى الله عليه وسلم طلقها (2)

Ertinya:

"Seorang lelaki telah datang kepada nabi s.a.w. dan berkata: "Bahawasanya isteri saya tidak menolak tangan orang yang menyentuhnya". Jawab Rasulullah s.a.w.: "Ceraikanlah dia". (Menyentuh di sini ialah membuat perkara jahat dengan lelaki itu).

¹Drs. Aliy As'ad, Terj. Fathul Mu'in, jld. 3, (Menara Kudus, 1979), hlm. 135 - 136.

²Imam Abu Ishak asy-Syirazi, Al-Muhadzab, juz. 2, hlm. 78.

(c) Haram: Iaitu dalam dua keadaan; pertama menjatuhkan talaq pada waktu isteri sedang haidh dan kedua, menjatuhkan talaq sewaktu isteri suci daripada haidh yang disetubuhinya dalam waktu suci itu. Ini berdasarkan Hadith yang diriwayatkan para jemaah ahli Hadith kecuali Tarmidzi iaitu sabda Rasulullah s.a.w.:

عن ابن عمر أنه طلق امرأته وهي حائض على عهد رسول الله صلى الله عليه وسلم فسأل عمر رسول الله صلى الله عليه وسلم عن ذلك فقال: مرة فاليرجعها ثم ليمسكها حتى تظهر ثم إن شاء أمسكها بعد ذلك وإن شاء طلقها قيل إن تمسى، فتلكت العدة التي أمر الله أن تطلق لها النساء (١)

Ertinya:

Dari Ibnu Umar r.a. bahawasanya ia telah menceraikan isterinya yang sedang di dalam keadaan haidh pada zaman ada Rasulullah s.a.w., maka bertanya Umar kepada Rasulullah s.a.w. tentang perkara itu. Jawab Rasulullah s.a.w. "Suruhlah olehmu akan anakmu itu supaya ia rujuk kepada isterinya itu, kemudian hendaklah dia teruskan perkahwinan mereka sehingga suci ia daripada haidhnya, kemudian ia haidh kembali, kemudian suci pula dari haidh yang kedua itu. Kemudian jika dia menghendaki bolehlah diteruskan perkahwinan mereka sebagaimana yang lalu atau diceraikannya isteri itu sebelum disetubuhinya. Demikianlah iddah yang disuruh oleh Allah supaya perempuan ditalaq dalam waktu itu".

(d) Makruh: Berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibn Majah:

¹Hadith.

عن ابن عمر قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: أبغض الحلال إلى الله هو الطلاق «

Ertinya:

Dari Ibnu Umar, katanya telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Barang yang halal yang paling dibenci oleh Allah ialah Talaq". Yang dimaksudkan dengan kebencian Allah kepada talaq di sini ialah supaya manusia menjauhkan diri daripada melakukannya.

1.2.3 Jenis-jenis Talaq

Jenis-jenis talaq adalah seperti berikut:-²

(1) Talaq Raj'i

Iaitu talaq di mana suami masih dapat merujuk kembali kepada bekas isterinya tanpa memerlukan agad yang baru, asalkan isteri masih di dalam iddah, seperti talaq satu atau dua.³ Firman Allah:

الطلاق مرتان فإمساك بمعروف أو تسريح
باحسان

Bermaksud:

"Talaq itu dua kali, setelah itu boleh dirujuk kembali dengan cara yang ma'aruf atau menceraikannya dengan cara yang baik".

¹ Hadith riwayat Abu Daud dan Ibn Majah, Lihat al-Kahlani, Subul al-Salam, juz. 3, (Dar al-Fikr, t.t.), hlm. 168.

² Abdul Rahman Taj., al-Syariah al-Islam Fi al-Ahwal al-Syaksiyah, hlm. 280.

³ Ibid.